

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (SETEMPAT)

TARIKH: 07 MAC 2018

MUKA SURAT: 08

FRIM tawar khidmat periksa pokok tua

Kuala Lumpur: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menawarkan kepakarannya kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi memeriksa pokok berusia yang berisiko untuk tumbang.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, ia bagi mengelakkan insiden pokok 'hujan-hujan' yang tumbang

dan nyaris menghempap sepasang suami isteri di Jalan Ampang di sini, pagi kelmarin, berulang.

Beliau berkata, FRIM sedia menawarkan khidmat nasihat, perundingan teknikal dan latihan dalam pemeriksaan bagi mengenal pasti sama ada pokok yang ditanam di kawasan bandar, berisiko untuk tumbang.

"Saya harap PBT di seluruh negara datang berbin-

cang dan kami sedia membantu mereka memantau pokok yang ditanam dalam kawasan mereka, seperti mana yang dilaksanakan FRIM di Putrajaya.

"FRIM juga memiliki kepakaran dan peralatan untuk melatih kakitangan PBT dan kontraktor mereka untuk menjalankan pemeriksaan pokok dan penyelenggaraan berkala dengan lebih sistematik," katanya.